

Secure Travel Single

LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

Pelanggan yang Dihormati,

Lembaran Pendedahan Produk ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans perjalanan anda.

Pelanggan lain telah membaca Lembaran Pendedahan Produk ini dan mendapati ia bermanfaat; **oleh itu, kami mengalakkan anda untuk membacanya juga.**

Tarikh: 13/03/2026

1 Apakah Secure Travel Single?

Secure Travel Single ialah insurans perjalanan menyeluruh yang melindungi anda daripada sebarang kecederaan, penyakit, kemalangan, dan kesulitan semasa Perjalanan anda.

2 Ketahui Perlindungan Anda

Sebagai gambaran, untuk jumlah **RM 33.00** untuk perjalanan tunggal selama 5 hari, anda akan menerima perlindungan seperti berikut:

Polisi ini meliputi:	Polisi ini tidak termasuk:
Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain Perbelanjaan Perubatan, Hospital & Lain-lain – RM 150,000 Manfaat Penjagaan Simpati (kerana kemasukan Anda ke hospital) – RM 5,000 Manfaat Penjagaan Simpati (kerana kematian Anda) – RM 5,000 Rawatan Perubatan di Malaysia – RM 10,000 Elaun Kuarantin Luar Negara Kenara Covid 19 – RM 1,000 Manfaat Kemalangan Diri Kematian akibat Kemalangan – RM 100,000 Kehilangan Upaya Kekal Menyeluruh – RM 100,000 Kehilangan penglihatan pada sebelah atau kedua-dua belah mata dan/atau kehilangan satu atau lebih anggota – RM 100,000 Pemindahan Perubatan Kecemasan & Repatriasi Pemindahan / Repatriasi Perubatan Kecemasan – Tidak Terhad Repatriasi Jenazah – Tidak Terhad	- Risiko berkaitan perang - Bunuh diri atau percubaan bunuh diri - Kecederaan yang disengajakan - Sukan/Aktiviti Ekstrem - Keadaan perubatan sedia ada - Kecacatan mental - Pengaruh alkohol atau dadah
Ini ialah Polisi Perjalanan tunggal. Tempoh perlindungan adalah dari satu (1) hari hingga maksimum seratus dua puluh (120) hari berturut-turut. Polisi ini tidak boleh diperbaharui.	

Nota:

- Sila imbas kod QR di bawah untuk senarai penuh perlindungan dan pengecualian. Perlindungan/manfaat tambahan disediakan untuk pelan dengan premium yang lebih tinggi.
- Manfaat yang perlu dibayar di bawah Polisi yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur TIPS PIDM atau hubungi Berjaya Sampo Insurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).
- Anda mesti melantik sekurang-kurangnya seorang (1) penama dan memastikan bahawa penama anda mengetahui tentang polisi Insurans Perjalanan yang telah dibeli oleh anda.
- Anda harus membaca dan memahami polisi insurans dan menghubungi ejen atau pihak kami untuk menjelaskan sebarang keraguan sebelum membeli Polisi ini. Anda harus berpuas hati bahawa Polisi ini akan memenuhi keperluan anda sepenuhnya.
- Anda harus memberitahu pihak kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat hubungan/peribadi anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Anda boleh memaklukkannya kepada cawangan atau Pusat Khidmat Pelanggan kami.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau memerlukan bantuan tentang insurans perjalanan anda, anda boleh:



Hubungi Khidmat Pelanggan kami
Dalam Malaysia (Talian Bebas Tol):
1-800-889-933
Luar Negara: +603-2170 7300



Hantar e-mel kepada kami di:
customer@bsompo.com.my



Imbas Kod QR di atas

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk polisi insurans perjalanan ini, anda mesti membayar premium seperti berikut:	
Elite C – Pelan Tunggal	RM 33.00 (perjalanan tunggal selama 5 hari)
Jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM 33.00	
Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut:	
Duti Setem	RM 10.00 (layak mendapat pengecualian sehingga 31 Disember 2028 dengan syarat pemegang polisi adalah seorang individu, di mana premium kasar adalah tidak melebihi RM150; atau sebuah perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang telah mengemukakan sijil PMKS yang sah, di mana premium kasar adalah tidak melebihi RM250)
Komisen	25% daripada premium atau RM 8.25
Caj lain yang berkenaan (cukai perkhidmatan – hanya untuk Pelan Perjalanan Domestik)	8% daripada premium atau RM 2.64

Nota: Jumlah premium yang perlu dibayar mungkin berbeza bergantung pada pilihan pelan, tempoh Perjalanan dan destinasi anda.

4 Terma Utama Lain

Kewajipan Pendedahan

- Anda mesti memberikan maklumat yang lengkap dan tepat dalam borang permohonan. Kegagalan untuk berbuat demikian mungkin mengakibatkan tuntutan anda ditolak atau Polisi anda dibatalkan.

Perubahan Risiko

- Jika terdapat apa-apa perubahan yang mengubah secara material sebarang fakta yang wujud pada tarikh cadangan, anda hendaklah memberi notis secara bertulis kepada kami dalam tempoh tujuh (7) hari dari tarikh perubahan tersebut, dan membayar premium tambahan jika diperlukan.

Pembayaran Sebelum Perlindungan Berkuatkuasa

- Premium mesti dibayar sepenuhnya sebelum tarikh kuat kuasa Polisi.

Pembayaran Premium

- Pembayaran boleh dibuat secara Tunai, Cek, Kad Debit, Kad Kredit atau Pembayaran Dalam Talian (yang mana berkenaan) kepada Berjaya Sampo Insurance Berhad. Sila simpan resit premium yang telah dibayar sebagai bukti pembayaran untuk rujukan masa hadapan.

Perbelanjaan Perubatan & Lain-lain dan Pemindahan Perubatan Kecemasan & Repatriasi

- Jika anda berumur tujuh puluh (70) tahun ke atas, manfaat anda akan dihadkan pada 50% daripada Jumlah Diinsuranskan.

Manfaat	Had Jumlah Diinsuranskan
Perbelanjaan Perubatan, Hospital & Lain-lain	Elite A – RM 150,000; Elite B – RM 100,000; Elite C – RM 75,000; Domestik – RM 12,500
Rawatan Perubatan di Malaysia	50% daripada Jumlah Diinsuranskan
Pemindahan / Repatriasi Perubatan Kecemasan	RM 150,000

Perjalanan

- Lawatan yang bermula (termasuk mana-mana transit dalam Malaysia yang tidak melebihi dua puluh empat (24) jam sebelum waktu berlepas yang dijadualkan dari Malaysia) apabila Anda meninggalkan rumah atau tempat perniagaan Anda atau mana-mana destinasi di Malaysia (yang mana terkemudian) sehingga Anda kembali dan akan tamat di atas sebab-sebab di bawah yang mana berlaku terdahulu:
 - Tarikh luput Tempoh Insurans yang dinyatakan dalam Jadual Polisi;
 - Kepulangan Anda ke rumah atau tempat kerja Anda di Malaysia (yang mana terdahulu); atau
 - 24 jam selepas ketibaan Anda di Malaysia (tidak berkenaan untuk Perjalanan Domestik).
 Tempoh bagi setiap Perjalanan tidak boleh melebihi 120 hari berturut-turut dari tarikh Perjalanan bermula. Untuk perjalanan sehala, perlindungan akan berhenti 72 jam dari waktu ketibaan yang dijadualkan di destinasi akhir dan perjalanan tidak boleh melebihi 30 hari.

Prosedur Tuntutan

- Notis bertulis mesti diberikan kepada kami dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari tarikh kejadian. Anda boleh mengemukakan tuntutan anda dengan menghantar e-mel ke customer@bsompo.com.my atau kunjungi mana-mana cawangan kami di seluruh negara.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada Kontrak Polisi untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan Polisi saya?

Anda boleh membatalkan Polisi anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Walau bagaimanapun, premium tidak akan dibayar balik jika Polisi telah dikeluarkan.

Adakah jenis produk Insurans Am lain yang disediakan?

Secure Travel Annual. Sila layari www.cimb.com.my untuk maklumat lanjut.

Berjaya Sampo Insurance Berhad dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.